

Seri Paduka doa kejayaan angkasawan negara

UM - 29/6/2007

Oleh ZABRY MOHAMAD

KUALA LUMPUR 28 Jun - Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin mendoakan dua calon angkasawan negara, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Kapten Dr. Faiz Khaleed supaya sentiasa tabah dan cekal menghadapi setiap cabaran.

Seri Paduka bertitah, kegigihan mereka ketika berdepan ujian-ujian yang mencahar fizikal serta mental seharusnya dihargai kerana ia melambangkan kesungguhan rakyat Malaysia untuk menjayakan Program Angkasawan Negara.

"Beta doakan semoga kedua-dua calon angkasawan ini sentiasa sihat, berusaha

gigih dan tabah ketika berdepan setiap cabaran.

"Kejayaan mereka melaksanakan misi ke angkasa lepas menjadi lambang kejayaan negara," titah Seri Paduka ketika menerima menghadap Sheikh Muszaphar dan Faiz di Istana Terengganu di sini hari ini.

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis pada sidang akhbar selepas itu.

Jamaludin juga menyampaikan taklimat mengenai perkembangan terkini Program Angkasawan Negara kepada Seri Paduka.

Sheikh Muszaphar dan Faiz kini berada di tanah air setelah diberi pelepasan oleh Roskosmos selama tiga minggu sehingga 13 Julai ini.

Beta doakan semoga kedua-dua calon angkasawan ini sentiasa sihat, berusaha gigih dan tabah ketika berdepan setiap cabaran

Salah seorang daripada mereka dijadualkan berlepas ke Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS) pada 10 Oktober ini.

Tuanku Mizan bertitah, penghantaran angkasawan negara ke angkasa lepas juga dapat menjana pembangunan industri aeroangkasa tempatan.

"Penghantaran angkasawan negara bukan sekadar membuktikan rakyat Malaysia mampu melakukannya tapi juga membangunkan industri aeroangkasa

tempatan," titah Seri Paduka.

Bagaimanapun, titah Seri Paduka, paling penting adalah misi berkenaan mampu menarik minat golongan muda khususnya pelajar sekolah kepada bidang sains dan teknologi.

Justeru, titah Seri Paduka, ia harus dimulakan dari peringkat akar umbi lagi bagi melahirkan barisan pelapis yang dapat membangunkan industri berkenaan pada masa depan.

TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN
Yang di-Pertuan Agong